


1.3 KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT


@icebearrawrr



Kedaulatan negara penting bagi mewujudkan keberkesanan pentadbiran, kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan kecemerlangan hubungan luar negara. Selain itu, negara diiktiraf setaraf dengan negara lain




KEBERKESANAN PENTADBIRAN



- Kedaulatan **memberikan kebebasan** kepada negara untuk **menjalankan urusan pentadbiran** tanpa campur tangan pihak luar
- Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui **Jemaah Menteri** dan **kementerian yang berkaitan**
- Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang dilakukan melalui **pengagihan kuasa** mewujudkan keberkesanan pentadbiran
- Sistem pentadbiran juga diperkuuh melalui **peruntukan undang-undang** dalam Perlembagaan Persekutuan

KEMAKMURAN EKONOMI



- Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi
- Selepas negara mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha dilakukan untuk **memajukan** dan **meningkatkan taraf hidup** rakyat berbilang kaum di Malaysia
- Pembangunan ekonomi meliputi **bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan** yang diperkenalkan melalui dasar pembangunan ekonomi negara



KESEJAHTERAAN SOSIAL

- Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat
- Negara dapat melahirkan **generasi yang berilmu dan berkemahiran** melalui pendidikan
- Oleh itu, mereka dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan negara
- Beberapa perkara berkaitan dengan **bahasa kebangsaan, kebudayaan, sukan dan Rukun Negara diperkenalkan** untuk memumpukan perasaan muhibah dan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di Malaysia



KECEMERLANGAN HUBUNGAN LUAR NEGARA

- Kedaulatan penting bagi memberikan hak kepada negara untuk menjalankan hubungan dengan negara lain
- Hubungan ini dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara kita
- Selain dapat **menjalankan hubungan diplomatik dan persahabatan** dengan negara lain, negara juga dapat mengadakan perjanjian dan kerjasama dalam pelbagai bidang
- Kesannya, Malaysia **menikmati pelbagai faedah dan kelebihan** dalam usaha mempertahankan kedaulatan
- Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa pula **meningkatkan imej negara**
- Masyarakat antarabangsa **mengakui peranan dan kebolehan negara kita** setaraf dengan negara lain di dunia



Kedaulatan dapat mewujudkan kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu memahami pentingnya mengekalkan kedaulatan negara yang diperoleh pada masa kini.



@icebearrawrr